

02 DEC 1997

LIMA-Perhatian

BUKIT CENGKUAN SEKALI LAGI JADI TUMPUAN PENGUNJUNG LIMA '97

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Bukit Cengkuan dekat Padang Matsirat hari ini sekali lagi menjadi tumpuan para pengunjung untuk menyaksikan Pertunjukan Udara bersempena Pameran Maritim dan Udara Langkawi (LIMA '97).

Sejak awal lagi beribu-ribu penduduk dan pelancong berada di puncak bukit itu yang terletak berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi untuk menyaksikan pertunjukan pelbagai pesawat yang mengambil bahagian.

Pameran Udara LIMA '97 dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pengunjung mengambil peluang ke puncak itu pada sebelah pagi dan petang ini bagi menyaksikan pertunjukan udara kerana pameran di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri belum dibuka kepada orang ramai. Ia akan dibuka kepada orang ramai pada Sabtu ini.

Di samping puncak itu, beberapa tempat lain termasuk di kawasan perumahan Malaysia Airports Berhad dan Jalan Bukit Nau turut menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapat pemandangan yang jelas mengenai pertunjukan udara yang diadakan itu.

Bukit itu akan terus menjadi tumpuan pengunjung kerana kedudukannya yang berdekatan dengan pertunjukan udara itu.

Sementara itu, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali mengadakan lawatan secara berasingan ke gerai-gerai pameran udara. -- BERNAMA

ZI NH AKD